

BAB 5

KESIMPULAN DAN IMPLIKASI POLISI

5.1 Pendahuluan

Bab ini memberikan kesimpulan kepada analisis kajian yang dijalankan bagi menjawab hipotesis-hipotesis yang telah dikemukakan dalam Bab 2. Selain itu, beberapa saranan tentang polisi dan program yang boleh diambil juga dibentangkan. Akhirnya, beberapa cadangan kajian akan datang telah diberikan.

5.2 Kesimpulan Kajian

Kajian di daerah Kerian, Hilir Perak, Sabak Bernam dan Rembau menunjukkan bahawa bilangan anak yang berpindah pada puratanya adalah 2.8 orang bagi setiap isi rumah. Nilai purata yang lebih tinggi dapat diperhatikan di Rembau, sektor getah dan ketua isi rumah yang berbangsa Melayu. Selepas diselaraskan dengan umur ketua isi rumah, didapati bahawa perbezaan min bilangan anak yang berpindah telah dikurangkan dan purata bilangan anak yang berpindah mengikut sektor utama dan kumpulan etnik tidak menunjukkan perbezaan yang ketara.

Analisis wang kiriman oleh anak menunjukkan median wang yang dihantar oleh migran pada keseluruhannya adalah sebanyak RM137.50 sebulan dan mencakupi 18.7% daripada pendapatan isi rumah. Analisis Varians menunjukkan bilangan anak yang berpindah, daerah, sektor utama, umur ketua isi rumah dan bilangan ahli isi rumah yang bekerja adalah pembolehubah yang signifikan dalam

menerangkan amaun wang yang dikirim balik oleh migran. Selepas diselaraskan dengan faktor bilangan anak yang berpindah, keputusan Analisis Klasifikasi Berganda menunjukkan bahawa pembolehubah daerah, sektor utama dan bilangan ahli isi rumah yang bekerja mempunyai kuasa penerang yang tinggi ke atas wang kiriman daripada anak.

Wang kiriman yang dihantar balik oleh migran merupakan satu faktor penting dalam memperbaiki taraf hidup sesebuah isi rumah. Analisis menunjukkan bahawa peratusan ketua isi rumah dari Rembau dan sektor getah yang berpendapat taraf hidup mereka telah diperbaiki secara relatifnya adalah lebih tinggi berbanding daerah dan sektor utama yang lain. Selain itu, semakin besar peratusan sumbangan wang kiriman kepada pendapatan isi rumah, semakin tinggi *odds ratio* seseorang ketua isi rumah akan memberikan tanggapan positif daripada berkecuali terhadap kesan migrasi keluar desa ke atas taraf hidup.

Sebaliknya, lawatan oleh anak-anak yang berpindah kurang memainkan peranan penting dalam menjalin hubungan kekeluargaan. Ini dapat dilihat melalui hubungan songsang yang ditunjukkan oleh tanggapan positif dengan kekerapan lawatan. Walau bagaimanapun, jika dikaji dari segi kekerapan lawatan, boleh disimpulkan bahawa lebih daripada 90% migran akan membuat lawatan balik sekurang-kurangnya setahun sekali.

Jika ditinjau dari segi struktur hidup, boleh disimpulkan bahawa ketua isi rumah yang lebih muda lebih cenderung untuk tinggal bersama dengan pasangan hidup dan anak-anak mereka berbanding dengan ketua isi rumah yang lebih tua. Sebaliknya, peratusan ketua isi rumah yang tinggal berseorangan atau tinggal

bersama pasangan hidup sahaja semakin meningkat mengikut usia. Ini adalah kerana semakin tua seorang ketua isi rumah, semakin banyak anak yang akan berpindah ke tempat lain.

Dalam konteks kajian ini, migrasi keluar desa telah memberikan kesan negatif ke atas output dan produktiviti pertanian terutamanya dalam sektor getah dan kelapa yang mengintensifkan buruh. Salah satu faktor penyumbang kepada keadaan ini adalah masalah kekurangan buruh yang dihadapi dalam sektor-sektor tersebut. Ini jelas digambarkan oleh nilai $\text{Exp}(\text{Beta})$ dalam analisis Regresi Logit Multinomial dengan *odds ratio* menyatakan tanggapan negatif daripada berkecuali adalah lebih tinggi bagi ketua isi rumah yang berpendapat wujudnya masalah kekurangan buruh.

Jika ditinjau daripada aspek pembangunan komuniti, boleh disimpulkan bahawa migrasi keluar desa pada keseluruhannya tidak memberi kesan yang ketara terhadap pembangunan di kalangan masyarakat yang mengalami pengurangan penduduk. Namun, setelah mengambilkira faktor usia dan penglibatan dalam aktiviti kampung, boleh diperhatikan bahawa ketua isi rumah yang lebih tua dan terlibat dalam aktiviti kampung mempunyai *odds ratio* yang lebih tinggi untuk memberikan tanggapan negatif daripada berkecuali ke atas pembangunan komuniti. Secara tidak langsung, ia memberi implikasi bahawa migrasi keluar desa telah mempengaruhi rentak pembangunan komuniti ekoran daripada kurangnya penglibatan golongan muda dalam aktiviti kampung mahupun sosial.

Migrasi keluar desa juga menyebabkan peningkatan buruh asing terutamanya di Sabak Bernam dan sektor kelapa ekoran daripada masalah kekurangan buruh. Namun demikian, kewujudan buruh asing pada keseluruhannya bukan merupakan

satu masalah serius kerana hanya 38% daripada jumlah ketua isi rumah yang ditemuramah menyatakan bahawa buruh asing wujud di kawasan tinggal mereka.

Di samping itu, migrasi keluar desa tidak menimbulkan kesan yang ketara dalam penggunaan tanah. Ini jelas terbukti daripada peratusan tanah yang tidak diusahakan adalah kurang daripada 10% sebagaimana yang dicatatkan oleh semua daerah dan sektor utama kecuali Rembau dan sektor getah. Peratusan tanah yang tidak diusahakan langsung mempunyai hubungan yang positif dengan bilangan anak yang berpindah.

5.3 Implikasi Polisi dan Program

Oleh kerana migrasi keluar desa menimbulkan pelbagai kesan sosio-ekonomi dalam beberapa aspek yang dibincangkan, berikut disarankan beberapa polisi atau program yang boleh diambil untuk meminimumkan kesan negatif migrasi keluar desa.

- a) Wang kiriman daripada anak harus diagihkan penggunaannya supaya pelaburan dalam barangan modal sektor pertanian tidak diabaikan. Dengan adanya pelaburan ini, output dan produktiviti pertanian tidak akan terjejas oleh masalah kekurangan buruh ekoran daripada migrasi keluar desa. Malah, pergantungan kepada buruh asing juga dapat dikurangkan. Oleh yang demikian, taraf hidup isi rumah boleh dipertingkatkan selanjutnya melalui pulangan yang lebih tinggi daripada hasil pertanian dan tidak bergantung semata-mata kepada wang kiriman oleh anak.

- b) Persatuan penduduk kampung dengan kerjasama badan-badan lain boleh melaksanakan program seperti lawatan balik secara beramai-ramai pada bulan tertentu atau mengadakan jamuan tahunan bagi menggalakkan migran mengunjungi kampung halaman mereka dengan lebih kerap. Secara tidak langsung, lawatan balik oleh anak tidak lagi terhad semasa hari-hari perayaan utama sahaja., malah hubungan kekeluargaan dapat dipereratkan menerusi program sebegini.
- c) Usaha pembangunan kawasan luar bandar yang lebih mampan harus dipergiatkan untuk menggalakkan penduduk luar bandar, terutamanya golongan muda supaya terus menetap di kawasan berkenaan. Bagi mencapai tujuan ini, kualiti hidup penduduk boleh dipertingkatkan menerusi penyediaan lebih banyak kemudahan pendidikan, perubatan, infrastruktur yang moden serta pembangunan rangkaian pengangkutan dan telekomunikasi. Ia diharap dapat membantu mengintegrasikan ekonomi bandar dan luar bandar kerana penduduk desa juga berpeluang untuk menikmati perkhidmatan dan kemudahan yang tersedia ada di bandar. Dengan itu, pembangunan komuniti yang lebih mantap dan berterusan dapat dipertanggungjawabkan kepada golongan muda tersebut.
- d) Selain pembangunan fizikal, usaha untuk meningkatkan produktiviti menerusi aktiviti pertanian secara komersil serta pembangunan industri kecil dan sederhana yang berteraskan pertanian di luar bandar juga tidak kurang pentingnya. Ia bukan sahaja dapat mempelbagaikan asas ekonomi luar

bandar dan meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar, malah ia juga mampu mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan. Sehubungan itu, penyertaan sektor swasta terutamanya dalam pengeluaran komoditi pertanian yang bernilai tinggi amat digalakkan.

e) Usaha penyatuan dan pemulihan tanah oleh FELCRA dan program penanaman semula getah oleh RISDA bagi memajukan saiz tanah terbiar harus diperluaskan. Selain itu, pelaksanaan konsep *landlord-in-trust* yang digariskan dalam Rancangan Malaysia ke-7 perlu dipergiatkan lagi bagi menggalakkan penggunaan tanah terbiar. Projek perladangan berkelompok yang lebih banyak perlu dikenalpasti bagi meningkatkan kualiti tanah pertanian serta menggiatkan penggunaan tanah secara efektif sejajar dengan matlamat Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP).

Saranan yang diberikan di atas adalah selaras dengan empat daripada tujuh prinsip utama yang digariskan dalam strategi pembangunan luar bandar sebagaimana yang termaktub dalam Rancangan Malaysia ke-7 iaitu,

- a) pengukuhan nilai kekeluargaan
- b) pembangunan masyarakat berdikari
- c) penyediaan infrastruktur berkualiti
- d) pembangunan ekonomi luar bandar yang mampan

5.4 Cadangan Kajian Akan Datang

Memandangkan kajian ini pada keseluruhannya mengkaji kesan sosio-ekonomi yang timbul di kalangan masyarakat yang mengalami pengurangan penduduk ekoran daripada migrasi keluar desa, masih terdapat beberapa aspek lain perlu diberikan perhatian yang sewajarnya bagi memperlengkapkan kajian ini. Oleh itu, beberapa cadangan telah dikemukakan supaya kajian yang lebih menyeluruh dapat dijalankan.

- a) Kesan migrasi keluar desa juga boleh dikaji dari segi keadaan hidup migran, pembangunan sosial dan ekonomi serta pembangunan masyarakat dan komuniti di tempat destinasi yang menjadi tumpuan migran.
- b) Penilaian keberkesanan polisi-polisi kerajaan yang berkaitan dengan pembangunan luar bandar serta sektor pertanian bagi mengurangkan kesan negatif akibat migrasi perlu dijalankan dari semasa ke semasa supaya objektif penyusunan semula masyarakat dapat dicapai menerusi pembangunan wilayah yang lebih seimbang.
- c) Kajian tentang ciri-ciri keterpilihan migran, aliran dan sebab migrasi pada peringkat sub-national boleh dijalankan kerana ia dapat memberikan gambaran awal yang menyeluruh tentang migran sebelum aspek-aspek lain tentang migrasi dikaji.